

TINJAUAN STRATEGI PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

REVIEW FOR IMPLEMENTATION STRATEGIES OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) FACING COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA

Nor-Ina Kanyo¹, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman², Jabil Mapjabil³, Rosazman Hussin⁴, Suhailah Abdul Muin⁵, Jashmaira Kipli⁶

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: norina@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: atarmizi@ums.edu.my)

³Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

⁴Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: rosazman@ums.edu.my)

⁵Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: drsuailah@ums.edu.my)

⁶Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jashmairakipli@gmail.com)

Article history

Received date : 25-8-2020

Revised date : 26-8-2020

Accepted date : 23-10-2020

Published date : 25-10-2020

To cite this document:

Nor-Ina Kanyo, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Suhailah Abdul Muin & Jashmaira Kipli (2020). Tinjauan strategi pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam menghadapi pandemik COVID-19 di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 1 – 13.

Abstrak: Kajian ini adalah berkaitan dengan tinjauan strategi pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) di Malaysia dalam menghadapi pandemik wabak COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti segala bentuk langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia dalam menghadapi wabak COVID-19. Dalam kajian ini akan menekankan peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Fokus kajian ini adalah berkaitan pelaksaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut fasa iaitu dari fasa 1 hingga fasa 7. Tidak dinafikan apabila PKP dilaksanakan tetap ada kes yang dilaporkan saban hari namun pelaksanaan PKP di Malaysia dilihat mampu untuk mengawal rebakan penyakit ini daripada menjadi lebih teruk. Hal ini terbukti melalui laporan kes harian yang dilaporkan oleh KKM, menunjukan data terkawal dan menurun pada fasa PKP dilaksanakan. Selain itu, kajian ini ingin melihat sejauhmana kepatuhan masyarakat Malaysia terhadap pelaksanaan PKP. Sepanjang PKP dijalankan masih terdapat tangkapan terhadap beberapa individu yang melanggar arahan PKP hingga menyebabkan kerajaan mengeluarkan

arahan bagi mengenakan tindakan yang lebih tegas dikenakan pada fasa 3 PKP dilaksanakan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan iaitu merujuk kepada pembacaan kajian lepas, keratan akhbar, laman rasmi kerajaan dan dokumen yang berkaitan.

Kata Kunci: Strategi, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), COVID-19, Pandemik

Abstract: This study is related to a review of the strategy of implementation of Movement Control Order (MCO) in Malaysia to facing the pandemic COVID-19. This study aims to identify all forms of measures implemented by the Government of Malaysia in the face of the COVID-19 epidemic. In this study will emphasize the role of the National Security Council (NSC) and the Ministry of Health Malaysia (MOH). The focus of this study is related to the implementation of Movement Control Order (MCO) according to phase from phase 1 to phase 7. There is no denying that when MCO is implemented there are still cases reported every day but the implementation of MCO in Malaysia is seen to be able to control the spread of this disease from getting worse. This is evidenced by the daily case reports reported by the Ministry of Health, showing controlled data and declining in the MCO phase implemented. In addition, this study would like to see the extent to which the Malaysian community adheres to the implementation of MCO. Throughout MCO was carried out, there were still arrests of several individuals who violated the MCO directives, causing the government to issue instructions to impose stricter measures imposed on phase 3 of the MCO. The research method used is a literature review which refers to the reading of previous studies, newspaper clippings, government official sites and related documents.

Keywords: Strategy, Movement Control Order (MCO), Covid-19, Pandemic

Pengenalan

Wabak COVID-19 yang dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019 ialah wabak penyakit yang berlaku secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga 30 Ogos 2020, lebih daripada 25.3 juta kes COVID-19 telah dilaporkan di lebih daripada 188 buah negara dan wilayah yang mengakibatkan lebih dari 843,000 kematian dan lebih daripada 16.4 juta orang telah pulih (Center for Infection Disease Research and Policy, 2020).

Perkataan “pandemik” berasal dari teori Yunani iaitu ‘pan’ bermaksud semua dan ‘demo’ bermaksud ‘orang-orang’. Perkataan pandemik biasanya digunakan untuk merujuk terhadap wabak penyakit berjangkit secara meluas di seluruh negara atau lebih daripada satu negara dan merentasi benua pada masa yang sama (Honingsbaum, 2009). Menurut Morens et al. (2009), dalam tempoh 2 dekad yang lalu, istilah ini belum ditakrifkan oleh banyak teks perubatan moden. Malah beberapa teks yang berwibawa berkenaan pandemik tidak menyenaraikannya dalam indeks mereka, termasuk sumber sejarah komprehensif perubatan klasik, buku teks epidemiologi, laporan institut perubatan yang berpengaruh pada jangkitan baharu muncul. Takrifan yang diterima secara antarabangsa mengenai pandemik seperti yang terdapat dalam kamus epidemiologi adalah terkenal iaitu “wabak yang berlaku diseluruh dunia atau di kawasan yang sangat luas, merentasi sempadan antarabangsa dan biasanya menjelaskan sebilangan

besar orang atau penduduk” (Harris, 2020). Kamus klasik juga mendefinisikan pandemik sebagai ketiadaan imuniti penduduk dan tahap keterukan penyakit. Definisi moden mengambil kira “luas wabak” iaitu di kawasan yang sangat luas dan biasanya menjelaskan sebahagian besar populasi dan berlaku secara meluas diseluruh rantaui, negara atau peringkat global. WHO menjelaskan bahawa pandemik merujuk kepada keadaan yang baharu, sub jenis virus yang patogen iaitu tidak seorangpun manusia dalam populasi manusia mempunyai imunologi atau rintangan dan mudah ditransmisikan antara manusia, mewujudkan kedudukan dalam populasi manusia dan cepat menyebar ke seluruh dunia. Selain itu, pandemik adalah wabak penyakit yang sebenarnya menjadi meluas akibat penyebaran daripada manusia dan jangkitan juga kepada manusia (WHO, 2011).

Virus ini merebak dari individu kepada individu lain melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin iaitu cara yang sama seperti Influenza. Penyakit ini dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima gejala tertentu, seperti demam, batuk dan sesak nafas, namun terdapat juga penyebarannya yang mungkin tanpa gejala (Center for Disease Control and Prevention, 2020). Komplikasi mungkin termasuk radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan akut. Pada masa ini, tiada vaksin atau rawatan tertentu yang boleh memulihkan penyakit ini. Usaha yang boleh dilakukan adalah mengurangkan simptom dan terapi sokongan. Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan termasuk membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, mengekalkan jarak dari orang lain terutamanya individu yang tidak sihat dan pemantauan serta pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang disyaki dijangkiti.

Masyarakat di Malaysia telah menunjukkan pelbagai reaksi dan persepsi masing-masing apabila pihak kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga mengundang *panic attack* dalam kalangan masyarakat khususnya dari segi persediaan bekalan makanan. Sebenarnya banyak perkara yang perlu difahami oleh setiap anggota masyarakat lebih-lebih lagi mereka yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan PKP ini. Kerajaan mendedahkan kira-kira 10 peratus daripada 32 juta rakyat Malaysia gagal mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan. Menteri Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, angka tersebut bukan suatu jumlah yang kecil kerana ia melibatkan kira-kira 3 juta orang penduduk negara ini. Menurut beliau, masih banyak kawasan yang seolah-olah tidak sedar atau sengaja tidak mengambil tahu kepentingan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan berada di luar kediaman. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah penting dalam menangani wabak baharu ini seperti pematuhan kepada prinsip kesihatan awam yang ketat serta pengawalan jangkitan telah membolehkan kluster atau wabak penyakit tersebut dihalang penyebarannya. Pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam menghadapi wabak COVID-19 ini daripada menjadi lebih buruk hingga menjelaskan kelangsungan hidup rakyat. Antaranya tindakan pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kronologi Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam Menangani Penularan Pandemik COVID-19 di Malaysia

Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengisytiharkan PKP berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19. Larangan ini adalah meliputi pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Pada 22 Mac 2020, menurut Menteri Kanan,

Datuk Seri Ismai Sabri Yakoob, hampir 50,000 anggota terdiri daripada tentera, polis, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan pihak berkuasa tempatan memantau pematuhan orang ramai terhadap PKP. Seramai 7,500 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara diarahkan bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan PKP. Selain itu, pada 23 Mac 2020, Ketua Setiausaha di kementerian yang menyediakan perkhidmatan keperluan, perlu mengeluarkan surat kebenaran perjalanan kepada semua kakitangan yang bertugas, sepanjang PKP dilaksanakan. Pada 23 Mac 2020 di Perak, seorang mekanik menjadi individu pertama didakwa kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas semasa PKP. Pada 24 Mac 2020, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan pematuhan rakyat terhadap PKP meningkat kepada 95 peratus. Selain itu, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi sepanjang PKP. Berdasarkan kenyataan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, pemegang lesen memandu dikecualikan daripada memperbaharui lesen bagi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Manakala Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mula menggunakan dron bagi mengawal dan memantau pergerakan rakyat sepanjang tempoh PKP di seluruh negara (My Metro, 10 April 2020).

Pada 25 Mac 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelanjutan tempoh PKP sehingga 14 April. Hal ini kerana jumlah kes jangkitan masih belum menunjukkan penurunan pada ketika itu. PKP dilanjutkan adalah atas perbincangan dengan pihak MKN dan KKM kerana pola kes jangkitan COVID-19 masih berlaku. (Berita Harian Online, 25 Mac 2020). Pada 26 Mac 2020 pula, proses pembersihan dan pencucian nyahcemar dilakukan di premis awam terutama di lokasi yang dikenal pasti sebagai kawasan zon merah atau kawasan yang tinggi jangkitan COVID-19. Tugas pembersihan ini adalah di bawah tanggungjawab Pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). (My Metro, 26 Mac 2020). Dalam masa yang sama kerajaan turut melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor pada 27 Mac sehingga 9 April. PKPD bagi kawasan ini adalah yang pertama di Malaysia ini kerana jumlah jangkitan di kawasan tersebut mencapai 61 orang. Oleh itu, penduduk yang tinggal di situ tidak dibenarkan keluar sama sekali dan orang luar tidak dibenarkan masuk. Bagi mendapatkan bekalan makanan terdapat pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk menghantar bekalan tersebut (Astro Awani, 26 Mac 2020) Pada 27 Mac 2020, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) membentarkan 2,732 syarikat meneruskan operasi semasa tempoh PKP. Akibat daripada pelaksanaan PKP ini kesan awal kepada alam sekitar adalah penurunan bacaan SO₂ (sulfur dioksida) dan NO₂ (nitrogen dioksida) dalam udara selaras dengan pengurangan bilangan kenderaan motor di jalan raya terutama di bandar-bandar utama. Pada 29 Mac 2020, kerajaan menguatkuasakan PKPD di kawasan Batu 21 hingga Batu 24 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor hingga 13 April dan PKPD turut dikuatkuasakan di Menara Plaza City One, Jalan Munshi Abdullah di Kuala Lumpur pada 30 Mac hingga 13 April 2020 (My Metro, 10 April 2020). Namun, pada 22 April pertambahan kes positif COVID-19 menjadikan Menara Plaza City One mencapai 51 kes dengan satu kematian menyebabkan PKPD terpaksa disambung semula (Astro Awani, 22 April 2020).

Fasa kedua PKP bermula pada 1 April sehingga 14 April 2020. Pada masa ini, semua premis perniagaan yang menjual barang keperluan harian termasuk pasar raya serta stesen minyak hanya dibenarkan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 8 malam. Manakala terdapat had perjalanan bagi individu yang keluar rumah dalam tempoh PKP bagi tujuan dibenarkan adalah

ditetapkan dalam radius tidak melebihi 10 kilometer (km) dari kediaman. Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, Pada 3 April 2020, pematuhan orang ramai terhadap PKP meningkat kepada 99 peratus. Di samping itu, Menteri Kanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan semua bazar Ramadan tidak dibenarkan beroperasi selagi PKP dilaksanakan (My Metro, 10 April 2020). Menurut Menteri Kanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pelaksanaan PKP fasa kedua dijalankan dengan mod lebih keras dan tindakan terus diambil kepada pihak yang melanggar perintah PKP. Hal ini bagi memastikan rakyat mematuhi setiap arahan sepanjang PKP (Berita Harian Online, 2 April 2020). Bagi memastikan segenap lapisan masyarakat mematuhi arahan PKP, polis dan tentera kini berubah daripada mod nasihat kepada mod keras. Hal ini kerana, masih terdapat pihak yang ingkar kepada pelaksanaan PKP. Dalam hal ini, polis menggunakan peruntukan Akta Kanun Keseksaan yang membawa hukuman berat bagi mendakwa individu yang melakukan kesalahan ketika ditahan disekatan jalan raya memandangkan segelintir kesalahan individu tidak termaktub dalam peruntukan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Berita Harian Online, 5 April 2020). Rakyat Sabah secara relatifnya menyokong PKP yang dilaksanakan Kerajaan Persekutuan di seluruh negara sehingga terdapat rakyat yang menggesa agar tempoh PKP dipanjangkan dan lebih lama memandangkan tempoh inkubasi virus COVID-19 memerlukan sekurang-kurangnya dua minggu (Daily Express, 18 Mac 2020).

Pada 4 April 2020, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed melaporkan seramai 5,126 ditahan kerana melanggar perintah PKP sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Pada 7 April 2020, Menteri Kanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan Indeks jenayah di seluruh negara turun sebanyak 70 peratus sepanjang tempoh PKP sejak 18 Mac lalu. Selain itu, kerajaan memutuskan pelaksanaan arahan keempat PKPD di bangunan Selangor Mansion dan Malayan Mansion di Jalan Masjid India di Kuala Lumpur. Pada 8 April 2020, polis mula mengenakan kompaun sebanyak RM1,000 terhadap individu ingkar PKP. Manakala pada 9 April 2020, PKPD di dua kawasan dekat Simpang Renggam, Kluang, Johor dilanjutkan sehingga 14 April. Pada 10 April 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan PKP dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi iaitu dari 15 April hingga 28 April (MyMetro, 4 April 2020).

PKP fasa ketiga bermula pada 15 April 2020 hingga 28 April 2020. Fasa ketiga PKP ini menuntut rakyat untuk memberi komitmen dengan lebih serius bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Dalam fasa ketiga ini bulan Ramadan yang disambut pada 24 April 2020 terpaksa di raikan dalam keadaan kebiasaan baharu iaitu bazar Ramadan tidak dibuka dan tidak dapat menunaikan solat terawih berjemaah di masjid. Menurut Menteri Kanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berdasarkan Seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara maksimum dua tahun dan kesalahan seterusnya penjara lima tahun. Hal ini kerana jumlah kumulatif individu yang ingkar PKP sehingga 13 April lalu adalah 9,090 orang. Walaupun keadaan COVID-19 di Malaysia merekodkan perkembangan baik apabila jumlah pesakit yang pulih sepenuhnya dan dibenarkan discaj dari wad telah mencapai jumlah kumulatif 2,478 orang, iaitu 49.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Namun, jumlah pertambahan kes masih berlaku iaitu setakat 14 April, adalah 4,987 kes dengan 82 kematian direkodkan. Keadaan ini menunjukkan jumlah pesakit tetap bertambah dan kesedaran

masyarakat dalam mematuhi PKP adalah masih pada tahap kurang memuaskan (Berita Harian Online, 15 April 2020)

Fasa keempat PKP bermula pada 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020. Pada fasa keempat ini kelonggaran mula diberikan iaitu membenarkan dua orang dalam satu rumah untuk keluar bagi membeli barang keperluan, ubat-ubatan atau makanan. Peraturan dalam warta kerajaan adalah mengikut kuasa perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (Astro Awani, 29 April 2020). Dalam Seksyen 4(1)(a)(ii) peraturan itu, membenarkan individu yang keluar membeli makanan, ubat, keperluan harian atau barang lain disertai seorang anggota keluarga yang tinggal serumah dengannya. Seksyen 4(1)(b)(ii) peraturan sama, individu yang keluar ke klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan atau perubatan pula, dibenarkan untuk disertai mana-mana orang lain yang dianggap perlu secara munasabah. Walau bagaimanapun, warta kerajaan itu mengekalkan peraturan sebelum ini, iaitu mereka yang mahu keluar membeli makanan, barang keperluan harian, perubatan, rawatan dan lain-lain hanya dibenarkan bergerak tidak melebihi 10 kilometer (km) dari kediaman masing-masing. Namun begitu, orang ramai diberi kelonggaran bergerak melebihi 10 km jika keperluan itu tiada dalam lingkungan jarak berkenaan dari rumah masing-masing. Seksyen 5 pula memperuntukkan orang ramai perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari balai polis berhampiran kediaman masing-masing, jika mahu melakukan pergerakan jarak jauh atau bagi sebab selain keperluan harian dan perubatan. Mana-mana pihak yang melanggar peraturan itu boleh didenda maksimum RM1,000 atau dipenjarakan sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali (Berita Harian Online, 29 April 2020).

Tahap Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia

Kerajaan memandang serius situasi semasa ancaman virus berbahaya ini terutama perkembangan gelombang kedua. Keutamaan kerajaan pada masa ini adalah untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat. Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin. Oleh itu, kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020, hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah Kawalan Pergerakan ini meliputi pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian. Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk Solat Jumaat adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020. Kedua, sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baharu pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela *self quarantine* selama 14 hari. Ketiga, sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara. Keempat, penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tafhib dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti. Kelima, penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara. Keenam, penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*) iaitu air, elektrik, tenaga,

telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan (Berita Harian Online, 16 Mac 2020).

Jadual 1 menunjukkan fasa PKP dari fasa pertama hingga fasa ketujuh iaitu dari Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan.

Jadual 1: Pelaksanaan Fasa PKP iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Malaysia

| Tahap/Fasa PKP | Tarikh | Tindakan | Pematuhan Masyarakat |
|---------------------|--------------------------|---|---|
| Fasa 1 (PKP) | 18 - 31 Mac 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • 16 Mac 2020 seramai 553 dijangkiti COVID-19. • Larangan untuk pergerakan dan perhimpunan keagamaan, sukan, social dan budaya. • Rumah ibadat dan beberapa premis perniagaan ditutup. • Sekatan perjalanan rakyat keluar negara. • Larangan kemasukan pelancong asing • Penutupan semua sekolah dan institut pengajian. • Penutupan premis kerajaan dan swasta yang kecuali perkhidmatan penting. • 25 Mac jumlah kes positif telah meningkat kepada 1,796 kes, iaitu penambahan 172 kes baharu, 17 kematian. | <ul style="list-style-type: none"> • Pada 25 Mac pematuhan masyarakat terhadap PKP mencapai 95% • Tangkapan langgar PKP fasa 1 merekodkan seramai 3,627 kes |
| Fasa 2 (PKP) | 1 - 14 April 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • PKP dilanjutkan sehingga 14 April. • 9 April kompaun RM1000 mula dikenakan kepada insividu langgar PKP. • 10 April 2020, seramai 1,830 orang pesakit telah keluar dari hospital. Ini bermakna | <ul style="list-style-type: none"> • Fasa 2, 11,295 kes tangkapan ingkar PKP |

| | | | |
|-------------------------|-----------------------------------|---|---|
| | | <p>43% pesakit COVID-19 telah pulih.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah kes positif baharu juga telah menunjukkan penurunan sejak PKP fasa dua dijalankan. • Arahan kepada Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Imigresen, RELA dan lain-lain agensi yang berkaitan supaya perketatkan kawalan di sepanjang sempadan negara. | |
| Fasa 3 (PKP) | 15 - 28 April 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • 23 April 2020, seramai 3,542 pesakit COVID 19 atau 63.2 peratus daripada keseluruhan pesakit telah sembuh. • Hukuman untuk yang melanggar PKP bukan lagi setakat denda tetapi boleh diambil tindakan undang-undang, penjara. • Perancangan untuk menghantar balik pelajar universiti ke kampung halaman hampir 100, 000 orang pelajar. • 24 April 2020, Ramadan tidak dapat diraikan seperti selalu. Tiada solat terawih di surau/masjid dan bazar ramadan tidak dibuka. | <ul style="list-style-type: none"> • PKP fasa 1 hingga 3, polis menahan 27, 061 individu dan 13,980 dituduh di mahkamah. • Fasa 3, 12,139 individu ditahan. |
| FASA 4 (PKP) | 29 April - 11 Mei 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • 29 April hingga 3 Mei 2020 masih dalam PKP. • 1 Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diumumkan untuk dilaksanakan bermula 4 Mei 2020 hingga 12 Mei 2020. • 9 Mei 2020, seramai 4,929 atau 74.8 peratus pesakit telah sembuh. | <ul style="list-style-type: none"> • Satu kajian di Singapura menyatakan Malaysia berada di tangga ke empat daripada 105 buah negara dari segi tahap kepuasan hati rakyat terhadap usaha yang dilakukan oleh |

| | | | |
|--------------------------|------------------------------|--|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Isi rumah boleh keluar berdua. • 10 Mei 2020, beberapa sektor ekonomi dibuka semula tetapi mengikut SOP yang ditetapkan. • Orang ramai dibenarkan bergerak melebihi radius 10 kilometer (km) dari kediaman masing-masing. • Rentas negeri untuk tujuan Hari Raya Aidilfitri masih tidak dibenarkan. | <ul style="list-style-type: none"> kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. • Jumlah tangkapan ingkar PKP bagi fasa 4 pada tarikh 29 April hingga 2 Mei adalah seramai 1,987 individu. |
| Fasa 5 (PKPB) | 12 Mei - 9 Jun 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • PKPB disambung hingga 09 Jun 2020. • Larangan rentas negeri kekal. • Pasangan suami isteri yang tinggal berjauhan atas tuntutan kerja diberi kelonggaran rentas negeri. • SOP solat Jumaat dan berjemaah diperhalusi. • Rumah terbuka dilarang. • Ziarah menziarahi dalam 20 orang dibenarkan dalam satu masa. • Fasa amaran dan nasihat berakhir bagi individu/kumpulan yang langgar PKP. • Tindakan undang-undang bagi individu langgar SOP PKPB - denda dan penjara. | <ul style="list-style-type: none"> • 10 amaran polis dikeluarkan di Terengganu kerana langgar SOP raya. • Pada 28 Mei 2020, seramai 433 dikompaun kerana langgar arahan PKPB apabila masih menyambut Hari Raya selepas 1 Syawal. |
| Fasa 6 (PKPP) | 10 Jun - 31 Ogos 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • PKPB ditamatkan, ganti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). • 7 strategi dalam PKPP - Pengukuhan kesihatan awam, perundangan dan penguatkuasaan, pengukuhan kawalan sempadan, pembukaan semua sektor ekonomi, pembudayaan | <ul style="list-style-type: none"> • 184 ditahan atas kesalahan melanggar SOP pada 12 Ogos 2020. • Kesalahan yang sering berlaku pada masa PKPP ini ialah aktiviti kelab malam, tidak memakai pelitup muka dan premis beroperasi |

| | | | |
|--------------------------|---|--|--|
| | | <p>kebiasaan baharu, pemerkasaan tanggungjawab komuniti dan perlindungan golongan berisiko.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perjalanan rentas negeri dibenarkan. • Pelbagai aktiviti makin banyak dibuka semula. • Mesyuarat dibenarkan mengikut SOP. • Aktiviti rekreasi dibenarkan. • Aktiviti sukan dibenarkan kecuali sukan yang melibatkan penyokong yang ramai di stadium dan kolam renang seperti ragbi, gusti, tinju, bola speak, bola keranjang dan hoki. • Pelancongan domestik dibenarkan. • Perayaan Hari Raya Aidiladha pada 30 Julai dibenarkan. • Solat berjemaah kelonggaran akan lebih ramai dibenarkan mengikut keluasan tempat ibadat. • Sekolah dibuka semula secara berperingkat. • Hiburan, hanya industri perfileman yang dibenarkan. • Perhimpunan besar-besaran masih tidak dibenarkan. | <p>tidak mengikut masa yang ditetapkan serta SOP lain yang tidak diikuti.</p> |
| Fasa 7 (PKPP) | 1 September - 31 Disember 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Pada 28 Ogos 2020, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan PKPP dilanjutkan hingga Disember 2020. • Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) masih diguna pakai. | <ul style="list-style-type: none"> • Pada 6 September 2020, 873 individu ditahan atas kesalahan ingkar arahan PKPP dan 797 individu dikompaun • Kesalahan yang paling tinggi dilakukan ialah aktiviti pub dan kelab malam. |

Sumber: Perutusan Khas PM, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara (2020).

Kesimpulan

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dijalankan oleh kerajaan adalah merupakan satu usaha yang murni bagi memutuskan rantaian perhubungan secara fizikal antara satu pihak dengan pihak yang lain. Namun begitu, usaha murni ini seolah-olah menjadi satu halangan kepada pihak yang lain kerana segala pergerakan harian terpaksa dihadkan, aktiviti luar termasuk juga beberapa perkhidmatan yang terpaksa dihentikan secara serta-merta. Usaha ini perlulah dijalankan secara terperinci agar kes penularan pandemik COVID-19 ini dapat dibendung dari semasa ke semasa dan menunjukkan hasil yang positif dari segi pengurangan jumlah kes kumulatif juga dari aspek kes yang sembah turut meningkat. Pada masa yang sama, kajian ini bertujuan untuk menilai kesedaran masyarakat terhadap pelaksanaan kawalan pergerakan yang dilakukan secara berfasa oleh kerajaan mengikut keadaan dan jumlah kes yang dilaporkan. Kesedaran yang wujud dalam kalangan rakyat ini telah mendorong kerajaan untuk melonggarkan syarat kawalan pergerakan mengikut SOP yang telah digariskan agar mengurangkan kontak rapat antara satu sama lain. Oleh sebab itu, semua pihak bermula daripada pentadbir atasan, para pemegang taruh sehingga ke rakyat biasa perlu bersama-sama menerima baik usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan negara terus dalam keadaan aman dan sejahtera daripada wabak ini. Sekiranya wabak ini berjaya dikawal, maka aktiviti harian akan dapat dilaksanakan seperti biasa dan akan membaik pulih ekonomi dalam negara khususnya.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah geran berikut:

- a) Geran Skim Dana Khas [SDK0219-2020] yang bertajuk “Penelitian Reaksi Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Langkah Keselamatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 di Bandar Utama di Sabah”.
- b) Geran Skim Dana Khas [SDK0139-2020] yang bertajuk “Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau di Negeri Sabah”.

Rujukan

- Astro Awani (26 Mac 2020). *COVID-19: PKPD dikuat kuasa di dua kawasan di Simpang Renggam.* <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pkpd-dikuat-kuasa-di-dua-kawasan-di-simpang-renggam-235454>. Diakses pada 1 september 2020.
- Astro Awani (29 April 2020). *PKP Fasa 4 benarkan keluar berdua untuk beli barang keperluan.* <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-fasa-4-benarkan-keluar-berdua-untuk-beli-barang-keperluan-240712>. Diakses pada 2 September 2020.
- Berita Harian Online (2 April 2020). Polis dalam mod ‘keras’ laksana PKP fasa 2. <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/04/672112/covid-19-polis-dalam-mod-keras-laksana-pkp-fasa-dua>. Diakses pada 30 Ogos 2020.
- Berita Harian Online (5 April 2020). *PKP: Polis guna akta Kanun Keseksaan.* <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/04/673224/pkp-polis-guna-akta-kanun-keseksaan>. Diakses pada 31 Ogos 2020.
- Berita Harian Online (7 April 2020). *COVID-19: PKPD di Malayan Mansion, Selangor Mansion.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674109/covid-19-pkpd-di-malayan-mansion-selangor-mansion> Diakses pada 5 September 2020.

- Berita Harian Online (29 April 2020). *Boleh Keluar Berdua Dalam PKP Fasa 4.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/682994/boleh-keluar-berdua-dalam-pkp-fasa-4>. Diakses pada 2 September 2020.
- Berita Harian Online (15 April 2020). *COVID-19: Fasa ketiga PKP bermula hari ini.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677299/covid-19-fasa-ketiga-pkp-bermula-hari-ini>. Diakses pada 1 September 2020.
- Berita Harian Online (16 Mac 2020). *COVID-19: Perutusan khas Perdana Menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665970/covid-19-perutusan-khas-perdana-menteri-mengenai-perintah-kawalan>. Diakses pada 1 September 2020.
- Berita Harian Online (13 Mac 2020). *WHO isytihar wabak COVID-19 pandemik.* <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>. Diakses pada 30 Ogos 2020.
- Berita Harian Online (25 Mei 2020). *Polis Terengganu keluarkan 10 amaran langgar SOP raya.* <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/692750/polis-terengganu-keluarkan-10-amaran-langgar-sop-raya>. Diakses pada 5 september 2020.
- Center for Disease Control and Prevention (2020). https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/symptomstesting/symptoms.html?CDC_AA_refVal=https%3A%2F%2Fwww.cdc.gov%2Fcoronavirus%2F2019-ncov%2Fabout%2Fsymptoms.html. Diakses pada 1 September 2020.
- Center for infection Disease Research and Policy (2020). <https://www.cidrap.umn.edu/news-perspective/2020/03/who-europe-now-worlds-covid-19-epicenter>. Diakses pada 1 September 2020.
- COVID-19 (1 Mei 2020). *Regulations To Implement Movement Control Order In Malaysia* (2020). <https://www.mondaq.com/healthcare/926732/covid-19-regulations-to-implement-movement-control-order-in-malaysia>. Diakses pada 1 September 2020.
- Daily Express (18 Mac 2020). *Majoriti rakyat Sabah sokong Perintah Kawalan Pergerakan.* <http://www.dailyexpress.com.my/news/148983/majoriti-rakyat-sabah-sokong-perintah-kawalan-pergerakan/>. Diakses pada 4 September 2020.
- Honingsbaum. M. (2009). *Historical keyword Pandemic.* The Lencet, 373.
- Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). <http://covid-19.moh.gov.my/> . Dicapai pada 4 September 2020.
- Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara (2020). <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>. Dicapai pada 4 September 2020.
- Morens, D.M., Folkers, G.K., & Fauci, A. S. (2009). What is Pandemic?; J Infect Dis. 200(7), 1018-1021. doi: 10.1086/644537
- My Metro (26 Mac 2020). *PBT, JBPM, ATM ditugaskan nyahkuman di zon merah.* <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/558844/amp>. Diakses pada 1 September 2020.
- My Metro (4 April 2020). *Kompaun individu ingkar PKP.* <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/562567/amp>. Diakses pada 1 September 2020.
- My Metro (14 April 2020). *PKP 3: Reman, bawa ke mahkamah* <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/566397/amp>. Diakses pada 4 September 2020.

My Metro. (10 April 2020). Kronologi PKP setakat 10 April <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564864/kronologi-pkp-setakat-10-april>. Diakses pada 2 September 2020.

Sinar plus. (6 May 2020). *Tiga negara menang tanpa 'lockdown'*. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/tiga-negara-menang-tanpa-lockdown/>. Diakses pada 2 September 2020.

Taiwanese self-discipline key to virus prevention success: Malaysian official (2020) <https://www.taiwannews.com.tw/en/news/3927797>

The Straits Times (17 Mac 2020). *Malaysia under movement control, Taiwan scrambles jets, again, deepfake videos in India's elections, two bombs in Yala province*. <https://www.straitstimes.com/asia/asian-insider-march-17-malaysia-under-movement-control-taiwan-scrambles-jets-again-deepfake>. Diakses pada 30 Ogos 2020.

World Health Organization (17 April 2020). <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/question-and-answers-hub/q-a-detail/q-a-coronaviruses>. Diakses pada 2 September 2020.